

CNS5518

R GB 02-09 00162 BA530

bah

PM AKAN RUJUK PADA KABINET PERLETAKAN JAWATAN ELYAS

Mahathir - Elyas

Daripada Zulkefli Salleh

JAKARTA, 2 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau akan merujuk kepada Kabinet bagimembuat keputusan mengenai perletakan jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau belum menerima surat perletakan jawatan daripada Elyas dan belum tahu isi kandungannya.

+Saya kena baca dahulu surat itu, apa alasan-alasannya, saya kena tanya rakan-rakan dalam Kabinet dahulu,+ katanya kepada pemberita Malaysia di sini ketika ditanya samaada kerajaan menerima perletakan jawatan oleh Elyas ekoran apa yang disebut sebagai kontroversi Volvo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Perdana Menteri berada di sini sejak Isnin lepas untuk menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneliti hasil siasatan terhadap dakwaan mengatakan penyelewengan telah dilakukan dalam kes itu, samaada terdapat asas-asas atau tidak. -- Lagi.

♥02/09/18-12MST

CNS5539

R GB 08-09 00133 BA531

bah

Mahathir - Elyas 2 Jakarta

Elyas mengumumkan perletakan jawatan itu yang bermula pada 17. Sept dalam kenyataan kepada Bernama malam tadi, berikutan kontroversi membabitkan pembelian 23 buah kereta Volvo oleh DBKL.

Elyas, dalam kenyataan itu, berkata beliau rnengambi tanggungjawab penuh terhadap tindakan dan keputusan DBKL.

Kontroversi itu, katanya, boleh mencemar nama baik DBKL.

Oleh yang demikian, beliau melepaskan jawatan itu untuk menjaga nama baik peatadbiran kerajaan serta keyakinan orang ramai terhadap dewan bandaraya.

Perletakan jawatan itu berkuatkuasa mulai 17 Sept,

Pembelian kereta-kereta volvo itu menimbulkan kontroversi berikutan dakwaan ianya tidak mengikuti peraturan perbendaharaan.

Apabila ditanya lebih lanjut Dr Mahathir berkata: +Sayanglah sikit sebab din (Elyas) sudah lama berkhidmat. Barangkali dia rasa tersinggung dengan tuduhan-tuduhan terhadapnya.+ -- Bernama.

♥02/09/18-12MST